

B606:
MAHATHIR

1981

71

KUALA LUMPUR, 29 OGOS (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENEGASKAN KERAJAAN PIMPINANNYA TIDAK AKAN MEMBENARKAN SEBARANG BENTUK EKSTRIMIS WUJUD DI NEGARA INI. PERDANA MENTERI BERKATA UNTUK MEMBENDUNG PERASAAN EKSTRIMIS ITU, KERAJAAN MEMERLUKAN KERJASAMA YANG RAPAT DENGAN SEMUA PIHAK. BERUCAP MERASMIKAN PERAYAAN ULANGTAHUN KE-58 DAN PERAYAAN HARI KEBANGSAAN DEWAN PERHIMPUNAN CINA SELANGOR DI SINI, BELIAU BERKATA PENDAPAT YANG TERLALU LANTANG DIBUAT BAGI KEPENTINGAN SESUATU KAUM MUNGKIN AKAN MENGGINGGUNG PERASAAN KAUM-KAUM YANG LAIN. INI AKAN MENYUSAHKAN KERAJAAN DALAM USANYA MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KETENTERAMAN NEGARA INI, KATANYA. DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MESKIPUN TERDAPAT SEDIKIT PERUBAHAN DALAM KERAJAAN PIMPINANNYA, IA TETAP MEMEGANG TEGUH KEPADA PRINSIP DAN DASAR YANG TELAH LAMA BERJAYA DI NEGARA INI. — BERSAMBUNG 2235/1B

B608:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN AKAN TERUS MENGAMALKAN SIKAP TOLERANSI DAN TIDAK BERHASRAT UNTUK MEWUJUDKAN PEMERINTAHAN KUKU BESI DI NEGARA INI.

KERAJAAN, KATANYA, AKAN MEMBERI PERTIMBANGAN SEWAJARNYA TERHADAP DESAKAN-DESAKAN RAKYAT TETAPI TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMENUHI 100 PERATUS KEMAHUAN SEMUA PIHAK.

JIKA SESUATU KAUM SAHAJA YANG MERASA PUAS HATI DENGAN LAYANAN 100 PERATUS KERAJAAN, MAKA BOLEHLAH DIANGGAP KERAJAAN BERAT SEBELAH.

DENGAN ADANYA SEMUA PIHAK TIDAK BERPUAS HATI KERANA KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMENUHI PERMINTAAN MEREKA SEPENUHNYA, INI MEMBUKTIKAN KERAJAAN MENJALANKAN PENTADBIRAN DENGAN ADIL DAN SAKSAMA, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN AKAN MENGADAKAN LEBIH BANYAK DIALOG DENGAN RAKYAT UNTUK MENGETAHUI SECARA TERPERINCI MASALAH DAN KESULITAN YANG DIHADAPI MEREKA SUPAYA DAPAT MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG BERKESAN.

BELIAU BERHARAP PIHAK DEWAN ITU AKAN TERUS MEMBERIKAN PENDAPAT- NYA MENGENAI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI NEGARA SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU MELALUI DIALOG. — BERSAMBUNG 2253/1B

B609:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENYENTUH SOAL PINDAAN AKTA PERTUBUHAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN PENDAPAT BERBAU POLITIK YANG DIKELUARKAN OLEH SESEBUAH BADAN ITU TIDAK BERMAKNA PERTUBUHAN TERSEBUT AKAN DIANGGAP SEBAGAI BADAN POLITIK.

BELIAU BERHARAP DEWAN TERSEBUT DAPAT TERUS MEMBERI PENDAPAT KEPADA KERAJAAN MENGENAI MASALAH YANG MUNGKIN DAPAT DITAFSIRKAN SEBAGAI BIDANG POLITIK, DI SAMPING TUGAS-TUGAS KEBAJIKANNYA.

BAGAIMANAPUN BELIAU BERHARAP DALAM MENGEMUKAKAN DESAKANNYA, DEWAN TERSEBUT PERLU MEMIKIRKAN YANG ADA KAUM-KAUM LAIN YANG MEMPUNYAI HAK DI NEGARA INI.

MEREKA AKAN MERASA TERSINGGUNG JIKA SESUATU KAUM HANYA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN KAUM ITU SEMATA-MATA, KATANYA.

SEBELUM ITU PRESIDEN DEWAN TERSEBUT TAN SRI LEE YAN LIAN BERIKARAR UNTUK MENYOKONG PENUH TEKAD KERAJAAN BARU UNTUK MEWUJUDKAN SATU PENTADBIRAN YANG CEKAP DAN BERSIH.

KETIBAAN PERDANA MENTERI DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH DI DEWAN ITU TELAH DISAMBUK MERIAH OLEH PARA AHLI DEWAN DENGAN TARIAN SINGA DAN PERTUNJUKAN-PERTUNJUKAN LAIN.

ANTARA YANG HADIR DI PERJUMPAAN ITU TERMASUK PRESIDEN MCA DATUK LEE SAN CHOON DAN BEKAS MENTERI KEWANGAN TUN TAN SIEW SIN.

— BERNAMA 2300/1B